SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2021 Geografi Semester 1 Terengganu

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Geografi

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

STPM 2021

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEMESTER 1

GEOGRAFI

942/1

Nama :.....

Kelas :.....

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Bahagian A : ALAM SEKITAR FIZIKAL
[40 markah]

*Jawab soalan 1 dan **satu** soalan lain sama ada soalan 2 atau soalan 3.*

*Jawab **semua** soalan.*

1. a) Nyatakan tiga bentuk muka bumi yang terhasil akibat penyejukan dan pembekuan magma dalam lapisan kerak bumi. [3]

i).....

ii).....

iii).....

b) Huraikan dua faktor yang menyebabkan bentuk gunung berapi berbeza-beza. [4]

i).....

.....

.....

.....

.....

ii).....

.....

.....

.....

.....

Jawab sama ada soalan 2 atau soalan 3. Jika anda memilih soalan 3, jawab sama ada soalan 3 (a) atau 3 (b) sahaja.

2(a) Jelaskan faktor yang menyebabkan kawasan-kawasan di dunia menerima bahangan suria yang berbeza-beza. [12]

(b) Bincangkan peranan bahangan suria terhadap aktiviti manusia di kawasan tropika lembap. [13]

3(a) (i) Huraikan proses pembentukan 3 jenis batuan. [12]

(ii) Bincangkan enam kepentingan pelbagai jenis batuan kepada aktiviti manusia. [13]

atau

3(b) (i) Jelaskan faktor fizikal yang mempengaruhi pemendapan pinggir pantai. [12]

(ii) Bincangkan kepentingan bentuk muka bumi pemendapan pinggir pantai terhadap aktiviti manusia [13]

Bahagian B : ALAM SEKITAR MANUSIA
[40 markah]

*Jawab soalan 4 dan **satu** soalan lain sama ada soalan 5 atau soalan 6.*

Jawab semua soalan

4 a) Nyatakan tiga jenis arah aliran migrasi dalaman. [3]

i.....

ii.....

iii.....

b) Huraikan tiga pola migrasi dalaman di Malaysia pada masa ini. [6]

i.....

.....

.....

.....

ii.....

.....

.....

.....

iii.....

.....

.....

.....

Bahagian A: ***Alam Sekitar Fizikal***
[40 Markah]

Jawab ***semua*** *soalan.*

SKEMA PEMARKAHAN

1. a) Nyatakan tiga bentuk muka bumi yang terhasil akibat penyejukan dan pembekuan magma dalam lapisan kerak bumi **[3]**

Fakta	**Markah**
a1 Daik	1
a2 Sil	1
a3 Lakolit	1
a4 Lapolit	1
a5 Pakolit	1
a6 Batolit	1
Pemarkahan: mana-mana 3 isi x 1 markah = MAX 3 Markah	**MAX 3**

b) Huraikan dua faktor yang menyebabkan bentuk gunung berapi berbeza-beza . **[4]**

Fakta	**Huraian**	**Markah**
b1 Jenis lava	• Lava asid- mengalir perlahan,likat, cepat membeku – cerun curam • Lava bes-mengalir laju, cair, lambat membeku-cerun landau	2
b2 Jenis bahan yang dikeluarkan	• Piroklas yang kasar -cerun curam • Piroklas yang halus- cerun landai	2
b3 Kuantiti bahan	• Kuantiti bahan yang dikeluarkan banyak- besar dan landai • Kuatiti yang sedikit- kecil dan curam	2
b4 Jenis letupan	• Letupan yang kuat menghasilkan kawah yang besar- gunung berapi lebih rendah • Letupan yang perlahan- kawah kesil dan tinggi	2
b5 Usia gunung berapi	• Semakin tua usia- semakin rendah/landau akibat luluhawa dan hakisan	2
b6 Tempoh masa letupan	• Letupan yang lama-bahan dikeluarkan dengan banyak- kon lebih besar dan lanadai	2
b7 Kekerapan letupan	• Semakin kerap-kon semakin besar dan landai	2
Pemarkahan: mana-mana 2 isi x 2 markah = MAX 4 Markah Tidak perlu buat perbandingan		**MAX 4**

c) Jelaskan dua kesan letusan gunung berapi terhadap komponen biosfera. **[4]**

Fakta	Huraian	Markah
c1 Aliran lava yang panas	• Kemusnahan flora kerana lava yang panas akan menyebabkan hutan terbakar • Kemusnahan fauna kerana kemusnahan ekosistem hutan yang menjadi habitat dan mengganggu system rantaian makanan	2
c2 Pembebasan gas sulfur dioksida	• Kemusnahan flora kerana pembebasan gas sulfur menyebabkan kejadian hujan asid • Memusnahkan hidupan akuatik	2
c3 Gegaran di Kawasan gunung berapi	• Gegaran semasa proses letusan gunung berapi menyebabkan kejadian tanah runtuh dan memusnahkan flora and fauna	2
c4 Pembebasan debu	• Debu yang banyak di udara akan menghalang cahaya matahari sampai kepermukaan bumi. Ini akan memusnahkan flora	2
Pemarkahan: mana-mana 2 isi x 2 markah = MAX 4 Markah **Kesan letusan tidak boleh berulang**		**MAX 4**

d) Huraikan dua kepentingan letusan gunung berapi kepada aktiviti manusia. **[4]**

Fakta	Huraian	Markah
d1 Dataran lava bes	• Tanah subur-aktiviti pertanian	2
d2 Tasik krater/kawah	• Bekalkan air- aktiviti perikanan	2
d3 Kawah batuan sulfur	• Bahan berharga- aktiviti perlombongan	2
d4 Kolam air panas	• Kawasan unik-Aktiviti pelancongan dan rekreasi, perubatan	2
d5 Geiser	• Kawasan unik dan menarik-Aktiviti pelancongan dan rekreasi	2
d6 Kolam lumpur	• Aktiviti perniagaan- kosmetik dan kecantikan	2
d7 Lombong batu/kuari	• Bahan berharga- aktiviti perlombongan	2
Pemarkahan: mana-mana 2 isi x 2 markah = MAX 4 Markah **Bentuk muka bumi tidak boleh berulang**		**MAX 4**

(b) Bincangkan peranan bahangan suria terhadap aktiviti manusia di kawasan tropika lembap. [13]

FAKTA	HURAIAN	MARKAH
b1. Pertanian	Ada bahangan suria sepanjang tahun – membolehkan tanamam ditanam sepanjang tahun- suhu yang mencukupi- membolehkan tumbuhan jalankan proses fotosintesis	2
b2. Perikanan	Bahangan suria yang mencukupi/suhu cukup- menggalakkan pertumbuhan plankton- sumber ikan banyak- meningkatkan aktiviti perikanan	2
b3. Pembalakan	- Bahangan suria yang mencukupi/suhu mencukupi- galak pertumbuhan pelbagai spesies termasuk kayu berharga seperti cengal, meranti, keruing dll-menggalakkan aktiviti pembalakan -Bahangan tinggi- tanah kering-mudah untuk kerja membalak dan membawa hasil balak/ hujan –tanah basah/becak/ /licin menyukar kerja membalak dan membawa hasil keluar.	2
b4. Penternakan	- Bahangan suria cukup- galak pertumbuhan rumput yang menjadi makanan haiwan ternakan.	2
b5. Akuakultur/ Marinkultur	- bahangan suria cukup- suhu mencukupi- galak pertumbuhan plankton- galakkan ternakan akuakultur/marinkultur	
b6. Perlombongan	Bahangan tinggi/suhu tinggi- tanah kering- memudahkan kerja melombong / hujan –tanah basah/mudah berlaku tanah runtuh- membahaya kepada pelombong	2
b7. IKS	Bahangan tinggi/suhu tinggi- aktiviti pengeringan hasil- menggalakkan perkembangan IKS-industri batik, tembikar, ikan kering, belacan dll	2
b8. Pelancongan dan Rekreasi	Bahangan suria mencukupi- suhu nyaman- galak aktiviti penjemuran/ snokeling/menyelam dll	2
b9. Pembinaan	Bahangan suria tinggi/suhu tinggi- memudahkan simen konkrit kering- mempercepatkan aktiviti pembinaan	2
Pemarkahan: mana-mana 6 isi x 2 markah = MAX 12 Markah + kesimpulan = 13Markah		

Bahagian B: *Alam Sekitar Manusia*
[40 markah]

*Jawab **semua** soalan.*

4 a) Nyatakan tiga jenis arah aliran migrasi dalaman. **[3]**

a1 Migrasi antara bandar ke luar bandar

a2 Migrasi antara luar bandar ke bandar

a3 Migrasi antara bandar ke bandar

a4 Migrasi antara luar bandar ke luar bandar

a5 Trasmigrasi

Pemarkahan: 3x1m =3m

b) Huraikan tiga pola migrasi dalaman di Malaysia pada masa ini. **[6]**

Fakta	Huraian
b1 Arah aliran (dari mana ke mana)	Arah aliran yang sering berlaku di Malaysia ialah migrasi luar bandar ke bandar. Ini berlaku disebabkan oleh pelbagai jenis tarikan yang terdapat di bandar. Kebanyakan golongan yang terlibat ialah terdiri daripada golongan pelajar yang menyambung pelajaran di IPTA dan IPTS dan juga anak-anak muda yang mencari peluang pekerjaan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Baharu.
b2 Isi padu aliran (jumlah – banyak/sedikit)	Pergerakan migrasi dari luar ke bandar melibatkan jumlah yang besar, contohnya pelajar lepasan SPM dan STPM yang melanjutkan pelajaran sama ada ke IPTA atau IPTS yang terletak di bandar-bandar besar seperti UM di Kuala Lumpur, UITM di Shah Alam, MSU di Shah Alam, UKM di Bangi dll.
b3 Komposisi aliran (jantina, umur, taraf Pendidikan)	Kebanyakan migrasi luar bandar ke bandar untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA atau IPTS terdiri daripada golongan wanita yang berusia antara 18 sehingga 24 tahun. Mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Geografi

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar